

Oleh Hamzah Badiran
hamzah@hmetro.com.my
Kuala Lumpur


Industri unit amanah berkembang kepada 612 tabung daripada 291 pada tahun lalu dengan jumlah keseluruhan sebanyak 17.4 juta akaun unit amanah dibuka.

Ketua Pegawai Eksekutif Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM) Nazaruddin berkata, jumlah nilai aset bersih industri melepasi paras RM300 bilion pada suku pertama 2013 dan berjumlah RM343 bilion pada akhir 2014.

"Jumlah ini mewakili 21 peratus daripada jumlah modal pasaran yang menjadikannya konstituen penting bagi pasaran modal Malaysia dan juga yang terbesar di Asia Tenggara.

"FIMM akan meneruskan perannya dalam menggalakkan pendidikan pelaburan melalui program kesedaran bagi mewujudkan masyarakat pelabur yang bermaklumat.

"Kami juga membabitkan diri secara aktif dan saling bertukar idea dengan ahli



NAZARUDDIN (lima dari kiri) bergambar bersama pemenang Anugerah Morningstar 2015.

FAKTA

Industri unit amanah berkembang kepada 612 tabung daripada 291 pada tahun lalu

17.4 juta akaun

■ Aset industri unit amanah cecah RM343 bilion pada 2014

industri serta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) untuk memperluaskan jangkauan dalam usaha meningkatkan bilangan pelabur unit amanah di negara ini," katanya pada majlis Anugerah Morningstar 2015, semalam.

Hadir sama pada majlis berkenaan adalah Pengarah Urusan Strategi Penyelidikan Asia Pasifik Morningstar Anthony Serhan dan Presiden Inovatif Media Asia Chong Chy Wan.

Menurut Nazaruddin, satu proses pengesahan.

Kumpulan kerja juga sudah ditubuhkan antara FIMM dan SC tahun lalu untuk memastikan bidang yang perlu diperbaiki seperti pendaftaran dokumen penawaran dana bagi mempercepatkan amanah akan dimasukkan.

Selain itu, bermula bulan depan, ciri-ciri baru sistem pendaftaran untuk perunding unit amanah baru bakal berkuat kuasa di mana calon mufis terhadap pendaftaran baru perunding unit amanah akan dimasukkan.

Lancar trak pikap Mei ini

Kuala Lumpur: Mitsubishi Motors Malaysia (MMM), penganjur rasmi kenderaan jenama Mitsubishi di negara ini mula membuka tempahan trak pikap, Triton dengan harga antara RM71,000 sehingga RM114,000.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Won Chul Yang berkata, trak pikap yang diimport sepenuhnya dari Thailand itu dijangka dilancarkan pada Mei ini.

"Mitsubishi Triton terbaru itu adalah generasi kelima yang dibangunkan menggunakan konsep 'Trak Utiliti Pintar' dan kami percaya ia akan menarik minat pelanggan dengan rekaian serta ciri terbaru.

"Mitsubishi Motors Corporation (MMC) mengeluarkan trak pikap sejak 36 tahun lalu.

"Sehingga kini ia sudah terjual melebihi empat juta unit manakala Mitsubishi Triton pula mencecah 55,000 pemilik selepas dilancarkan pada 2006," katanya dalam kenyataan media, semalam.